

28 JUN 2001

Khalil

EDARAN PITA RAKAMAN UCAPAN DR MAHATHIR AKAN DIPERLUAS

Kuala Lumpur, 28 Jun (Bernama) -- Umno akan memperluaskan edaran pita rakaman ucapan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan agungnya yang berlangsung minggu lepas.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata pada tahun-tahun sebelum ini rakaman ucapan dasar dan penggulungan presiden hanya diedarkan setakat peringkat bahagian.

"Tahun-tahun sebelum ini kita hanya edar dan perdengarkan di peringkat bahagian saja, tapi kali ini akan kita perluaskan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis ulang tahun ke-20 Perbadanan Filem Nasional (Finas), di sini hari ini.

Pada majlis itu Khalil juga merasmikan pembukaan studio "sound stage" Finas yang baru disiapkan serta melancarkan Buku Filem Malaysia 1975-1999.

Khalil berkata, seperti kelaziman semua usul dan cadangan yang dibuat pada perhimpunan agung itu akan diambil tindakan oleh Jawatankuasa Pengurusan parti.

Mengenai studio itu, Khalil berkata Finas akan menyewakannya kepada pengamal dalam industri perfileman dengan kadar yang berpatutan.

Katanya ini sejajar dengan matlamat Finas mahu meningkatkan pengeluaran filem tempatan.

Studio itu, yang disifatkan antara terancang di rantau Asia, menelan belanja RM16.8 juta dan direkabentuk dengan kesan akaustik bagi membolehkan rakaman secara terus apabila penggambaran dalaman dibuat.

Dengan cara ini pembikinan sesuatu filem atau video tidak memerlukan proses "dubbing."

Khalil juga menyampaikan diploma kepada 19 graduan Akademi Filem Malaysia.

-- BERNAMA

NM AHH NMO